



(<https://www.myzarratravel.com.my/>)

PRIVATE TOUR – 5 HARI 4 MALAM LOMBOK TOUR

Indonesia

Tour Code: PTR01

Nikmati keindahan Lombok yang autentik dalam pengembaraan 5 hari 4 malam – dari pantai pasir putih Mandalika, budaya tradisi masyarakat Sasak, hingga pengalaman island hopping ke pulau eksotik Gili Trawangan. Gabungan alam semula jadi, budaya dan laut biru menjadikan Lombok destinasi sempurna untuk percutian santai dan bermakna.



ATURCARA PERJALANAN

HARI 1: TIBA DI LOMBOK - CITY TOUR (MM)

Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Lombok, para peserta akan disambut oleh pemandu pelancong tempatan dan menerima selendang tradisional Lombok sebagai cenderamata alu-aluan. Lawatan dimulakan dengan jelajah bandar merangkumi Ampenan, Mataram dan Cakranegara, tiga kawasan utama di wilayah Nusa Tenggara yang saling berhubung dan menjadi pusat pentadbiran, ekonomi serta pendidikan.

Perjalanan diteruskan ke Narmada Park, sebuah taman bersejarah yang dibina pada tahun 1727 sebagai replika puncak Gunung Rinjani, atas permintaan Raja Anak Agung Ngurah Karangasem. Di sini terletak Kuil Kalasan serta mata air semula jadi yang berasal dari Gunung Rinjani, dikenali oleh penduduk tempatan sebagai "mata air awet muda" kerana kepercayaan bahawa airnya mampu mengekalkan kesegaran dan kesihatan.

Seterusnya, peserta akan melawat Islamic Center Lombok, sebuah mercu tanda keislaman yang menonjol dengan seni bina moden dan menjadi simbol kebanggaan masyarakat Muslim Lombok.

Makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum peserta daftar masuk hotel dan berehat.

HARI 2: GILI TRAWANGAN FULL DAY TOUR (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, peserta bertolak ke Pelabuhan Teluk Nare untuk menyeberang ke Gili Trawangan menaiki bot. Setibanya di pulau ini, peserta disambut dengan keindahan alam semula jadi dan pemandangan laut yang memukau. Masa lapang diberikan untuk menikmati suasana pulau atau menyertai aktiviti pilihan seperti menyelam, berbasikal mengelilingi pulau dan pelbagai aktiviti air lain (atas perbelanjaan sendiri).

Makan tengah hari disediakan di restoran tempatan sebelum peserta kembali semula ke Teluk Nare. Dalam perjalanan pulang, persinggahan dibuat di Malimbu Hill, sebuah lokasi terkenal untuk menikmati pemandangan laut terbuka yang indah. Dari sini, peserta dapat melihat panorama Kepulauan Gili serta menikmati pemandangan matahari terbenam dengan Gunung Agung di Bali sebagai latar belakang.

Makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum peserta kembali ke hotel untuk berehat.

HARI 3: SENDANG GILE WATERFALL - TIU KELEP (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, peserta akan memulakan perjalanan ke Pusuk Pass, juga dikenali sebagai Pusuk Forest, sebuah hutan hujan semula jadi yang terkenal dengan kehadiran sekumpulan monyet jinak. Perjalanan melalui kawasan ini menawarkan suasana hijau yang menenangkan dan peluang bergambar dengan latar alam semula jadi.

Seterusnya, lawatan diteruskan ke Air Terjun Sendang Gile, yang terletak di kawasan kaki Gunung Rinjani. Untuk menikmati keindahan alam sekitar dan udara yang sejuk serta segar, peserta akan berjalan kaki kira-kira 30 minit menuju ke air terjun ini. Dari Sendang Gile, peserta akan meneruskan aktiviti trekking ringan selama lebih kurang 25 minit ke Air Terjun Tiu Kelep, sebuah air terjun yang terkenal dengan kolam semula jadinya yang jernih dan menyegarkan. Masa diberikan untuk mandi dan menikmati suasana sebelum kembali ke kawasan tempat letak kenderaan.

Pada sebelah petang, peserta akan dibawa membeli-belah cenderamata Lombok seperti mutiara air laut dan air tawar, serta pelbagai makanan tempatan. Makan tengah hari dan makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum peserta kembali ke hotel untuk berehat dan menikmati masa bebas.

HARI 4: SASAK TRADITIONAL TOUR - KUTA MANDALIKA (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, lawatan dimulakan dengan kunjungan ke Banyumulek Village, sebuah perkampungan pengusaha tembikar di mana peserta berpeluang menyaksikan sendiri proses pembuatan tembikar secara tradisional serta mencuba aktiviti ini secara langsung. Perjalanan diteruskan

ke Sukarare Village, terkenal dengan seni tenunan kain Lombok. Di sini, peserta dapat melihat proses pembuatan kain tenun dan berpeluang bergambar sambil mengenakan pakaian tradisional masyarakat Sasak.

Seterusnya, lawatan ke Sade / Ende Village, sebuah perkampungan tradisional Sasak yang mengekalkan rumah-rumah lama sejak turun-temurun. Peserta juga akan menyaksikan persembahan seni Peresean, iaitu pertarungan tradisional antara dua lelaki menggunakan rotan (penjalin) dan perisai kulit kerbau

yang dikenakan sebagai *enae*.

Makan tengah hari disediakan di restoran tempatan sebelum lawatan diteruskan ke Kuta Beach Mandalika dan Tanjung Aan Beach, yang terkenal dengan pasir putih halus serta air laut yang jernih kebiruan. Lawatan diakhiri dengan singgahan ke Bukit Merese, sebuah bukit hijau yang sering digelar *Teletubbies Hill* kerana landskapnya yang unik dan pemandangan laut terbuka yang menenangkan.

Selepas lawatan, peserta kembali ke hotel untuk berehat.

HARI 5: PENERBANGAN BALIK (SP)

Selepas sarapan pagi di hotel, peserta diberi masa untuk aktiviti membeli-belah saat akhir bagi mendapatkan cenderamata dan makanan tempatan Lombok.

Seterusnya, peserta akan dihantar ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.

MAKLUMAT HARGA:

| PENGINAPAN | HARGA SEORANG (MYR) | | | | GROUP SIZE (PAX) |
|-------------------------------|---------------------|-------------|--------------------------|-------------------------|------------------|
| | BERDUA/BERTIGA | SINGLE SUPP | KANAK-KANAK DENGAN KATIL | KANAK-KANAK TANPA KATIL | |
| Ground Only: PURI SARON | 1,770 | 540 | 1,600 | 1,060 | 2-3 |
| SENGGIGI 3*/LOMBOK | 1,350 | 540 | 1,220 | 810 | 4-5 |
| PLAZA MATARAM / similar | 1,290 | 540 | 1,160 | 780 | 6-8 |

Penerbangan pergi balik AirAsia KUL-LOP-KUL (kos RM1,040/seorang) estimate* - kos akhir bergantung pada tarikh yang anda pilih.

PAKEJ TERMASUK:

- Penginapan hotel
- Sarapan pagi setiap hari di hotel.
- Hidangan makan seperti yang dinyatakan dalam atur cara perjalanan (Makanan Halal).
- Pengangkutan persendirian sepanjang lawatan.

- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris atau Melayu (Untuk kumpulan 2-7 orang: pemandu merangkap pemandu pelancong).
- Semua bayaran masuk tarikan seperti yang dinyatakan dalam itinerari.
- Air mineral disediakan setiap hari.
- Sewaan bot khas untuk Gili Island Tour.
- Cenderamata Lombok Scarf sebagai hadiah alu-aluan.

PAKEJ TAK TERMASUK :

- Tiket penerbangan dan Cukai Lapangan Terbang Antarabangsa *
- Tips untuk pemandu dan tour guide RM10/seorang/hari
- Insurans perjalanan RM64/seorang (Etiqa Takaful / Platinum Plan / umur 70 tahun dan ke atas tertakluk kepada surcaj)
- Perbelanjaan Peribadi (Porter, Dobi, telefon, Lawatan Pilihan, dll)

HARGA KANAK-KANAK:

- ➔ Harga kanak-kanak (02 – 11 Tahun): 100% Bilik Kongsi
- ➔ Harga kanak-kanak (02 – 10 Tahun): Ground only - 90% extra katil
- ➔ Harga kanak-kanak (02 – 10 Tahun): Ground only - 60% tiada katil
- ➔ Untuk Bayi, akan berkongsi makanan dan katil dengan ibu bapa dan oleh itu FOC.

NOTA & SURCAJ :

- ➔ Kadar adalah TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DISEBABKAN MATA WANG TURUN
- ➔ Surcaj dikenakan untuk Krismas, Tahun Baru, Hari Raya & Cuti Sekolah.
- ➔ Tempoh sah pakej: Sehingga 31 Disember 2026

The above itineraries are to be used as guide, may change slightly.

TERMS & CONDITIONS APPLY!

Sebarang pertanyaan tentang pakej hubungi :

☎ Office : 03-90572324(tel:+60390572324%20)

☎ Zawati : 019-2277253(tel:+60192277253)

☎ Saidatul : 011-2866 2548(tel:+60173496008)

Pautan

Utama(<https://www.myzarratravel.com.my/>)

Tentang Kami(<https://www.myzarratravel.com.my/tentang-myzarra/>)

Hubungi Kami(<https://www.myzarratravel.com.my/hubungi-kami/>)

Alamat

📍 4-2, Jalan Tasik Selatan 3, Bandar Tasik Selatan, 57000 Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

☎ +603-90572324 (tel:+603-90572324)

✉ sales@myzarra.com

✉ myzarratravel@gmail.com

www.inst

Media sosial

fb.com/

fb.com/

myzarratravel

Pertukaran bantuan?

Hubungi kami untuk sebarang kekeliruan ataupun pertanyaan.

☎ +603-90572324

☎ +603-90572324